

Bukti kegagalan PBT bantu tangani isu berkaitan

# Lebih 400 tapak sampah haram

Utusan Malaysia 27/6/2022 Page 4

Oleh AHMAD  
FADHLULLAH ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Lebih 400 tapak pembuangan sampah haram yang dikesan di tujuh negeri sudah cukup membuktikan pihak berkuasa tempatan (PBT) gagal dalam membantu kerajaan menangani isu berkaitan pembuangan sampah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), Damien Thanam Divean berkata, ini kerana longgokan

sampah di kawasan yang tidak sepatutnya itu berkemungkinan bermula daripada sikap kontraktor pembersihan yang berkemungkinan tidak berlesen untuk mengutip sampah.

Malah, katanya, ada kemungkinan juga sampah-sarap yang dikutip itu datang daripada kawasan perniagaan dan penempatan yang tidak membayar cukai pintu kepada PBT.

Sehubungan itu, katanya, mereka pasti mengharapkan kontraktor haram yang akan membuka kawasan atau tapak baharu untuk menimbun sampah.

“Oleh itu, PBT gagal kerana penguatkuasaan yang lemah atau lebih merisaukan jika PBT bersekongkol dengan kontraktor-kontraktor (haram) ini menerima rasuah untuk tidak mengendahkan aktiviti-aktiviti seperti itu.

“Sepatutnya PBT perlu bertanggungjawab memantau kawasan-kawasan perniagaan dan penempatan, terutama yang tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, Perbadanan Penguru-

san Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengesan sebanyak 432 tapak pembuangan sampah haram di tujuh negeri yang tidak sepatutnya berlaku ketika Malaysia sedang menuju status negara bersih dan sihat.

Negeri yang menghadapi masalah itu adalah Perlis, Kedah, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor dengan 163 daripadanya masih aktif iaitu terus menjadi tempat pembuangan sampah walaupun sudah ditutup oleh pihak berkuasa.

## Malaysia kelima tertinggi import sampah

**PUTRAJAYA:** Malaysia dikenali pasti antara empat negara di dunia yang paling banyak menerima pelbagai jenis sampah-sarap diimport dari Kanada secara haram setiap tahun.

Perkara itu didedahkan pengasas RightOnCanada, Kathleen Ruff kepada portal berita terkenal, *Politico*, berpangkalan di Washington DC, Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

“Sebahagian besar sisa pepejal berkenaan ialah





SWCORP mengesan 432 tapak pembuangan sampah haram di tujuh negeri yang tidak sepatutnya berlaku ketika Malaysia sedang menuju status negara bersih dan sihat.

## Malaysia bakal jadi lebih teruk dari Sri Lanka

**PETALING JAYA:** Malaysia berisiko menjadi lebih teruk dari apa yang berlaku di Sri Lanka sekiranya rakyat di negara ini tidak berdisiplin serta gagal mengurus pembuangan sampah dengan cara yang betul.

Satu kajian yang dilakukan pada 2020 melaporkan jumlah sisa pepejal yang dijana di Sri Lanka dianggarkan berjumlah sehingga 4.8 billion tan metrik setahun dengan setiap orang menjana sekitar 0.64 kilogram (kg) sisa sehari berbanding Malaysia, dianggarkan 14 juta tan sampah setahun dikutip ta-

hun ini dengan purata kutipan 38,699 tan metrik sehari.

Sri Lanka juga merupakan tempat transit yang terkenal untuk pembuangan sisa kerana ia terletak di sepanjang salah satu laluan perkapalan tersibuk di dunia sekali gus memburukkan lagi keadaan pengurusan sisa pepejal di negara itu.

Presiden Pertubuhan Sahabat Alam Sekitar Malaysia (SAS), Datuk Abdul Malek Yusof berkata, kegagalan sikap orang ramai itu dibimbangi mendatangkan pelbagai implikasi kepada negara ini sekiranya tiada kesedaran

dan kawalan.

Malah, katanya, banyak aspek dijangka mendapat kesannya terutama aspek kesihatan dan pembangunan sekali gus menyukarkan lagi Malaysia mencapai status negara maju.

"Kita bimbang dari segi kesihatan pada kanak-kanak walhal mereka bukan tahu apa-apa. Buang sampah merata-rata bukan dari kalangan kanak-kanak, tetapi berlaku di peringkat dewasa.

"Bahkan, kalau sampah banyak sehingga mencemar, macam mana nak rawat pesakit ka-

lau keadaan sampah sebegitu. Aspek ini nampak senang, tetapi siapa yang ada kesedaran untuk laksanakan itu?"

"Tetapi kalau masih tak ada kesedaran (tentang pembuangan sampah merata-rata) kita akan jadi lebih teruk daripada apa yang berlaku di Sri Lanka. Malah dalam tempoh 10 hingga 20 tahun pun kita masih tidak nampak ke arah negara maju sebab negara maju perlukan kestabilan dan kebersihan terutamanya dari segi alam sekitar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

skrap plastik dan kertas kotor serta bateri terpakai, sampah elektronik dan besi buruk," kata pemimpin badan alam sekitar bebas tersebut.

Selain Malaysia, ujarannya, negara lain yang turut mendapat puluhan kontena berisi sampah itu dengan dihantar menerusi lebih 100 buah kapal dagang ialah Hong Kong, India dan Vietnam.

Ironinya, aktiviti haram berkenaan jelas beliau, sudah lama dikesan oleh kerajaan Kanada sejak 2017 dengan kesemua sampah sarap tersebut dianggarkan seberat lebih 2,300 tan metrik.

Bagaimanapun, pihak berkuasa negara maju itu hanya mengeluarkan surat amaran dan denda kepada syarikat perkapalan sebanyak C\$400 (RM1,365) hingga C\$2,000 (RM6,827) sahaja.

Hukuman yang dianggap terlalu rendah itu tegasnya, menjadi bahan jenaka di Kanada sendiri kerana ia memberi mesej salah bahawa negara tersebut tidak serius dalam isu berkenaan.

Difahamkan sejak lima tahun lepas, cuma 21 surat amaran dikeluarkan dan 23 notis denda diberikan kepada firma perkapalan terlibat atas kesalahan mengeksport produk tanpa permit.

"Nama kesemua syarikat berkenaan tidak didekadkan kerana mereka bukan didakwa di mahkamah," kata Ruff.